

PUI SI-PUI SI MELAYU TRADISIONAL DALAM DRAMA *BUKAN LALANG DITIUP ANGIN* (1970) KARYA NOORDIN HASSAN
(TRADITIONAL MALAY POETRY IN THE *BUKAN LALANG DITIUP ANGIN* (1970)
DRAMA BY NOORDIN HASSAN)

NIK FAZLI MOHAMAD* DAN SAMSINA ABD RAHMAN

Jabatan Bahasa Melayu, Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi, Universiti Putra Malaysia, Selangor.

*Corresponding author: aqiemfazliey@yahoo.com

Abstrak: Dramatis Noordin Hassan yang lahir di Pulau Mutiara merupakan sasterawan negara ke-7 yang unik, kreatif dan prolific. Kemunculan Noordin Hassan dalam dunia drama Melayu moden dan teater tanah air telah memberi nafas baru dalam bidang Kesusasteraan Melayu. Keberanian Noordin Hassan dalam mengutarakan konsep pendramaan baru yang bersifat antirealisme iaitu drama absurd dan eksperimental telah membuka dimensi baru dalam dunia drama di Malaysia. Selain itu keunikan dan kekreatifan Noordin Hassan terbukti apabila beliau menggunakan genre puisi dalam kesemua dramanya. Kajian ini menggunakan kaedah keperpustakaan iaitu dengan mengumpul data dan menganalisis teks drama tersebut. Justeru, kajian ini dilakukan untuk mengenal pasti dan menganalisis jenis-jenis puisi Melayu dalam drama beliau yang bertajuk *Bukan Lalang Ditiup Angin* (1970). Kajian ini akan menggunakan teori konseptual kata kunci yang diasaskan oleh Mohamad Mokhtar Abu Hassan (2001). Berdasarkan dapatan kajian diharapkan, ia dapat menyumbang kepada dunia Kesusasteraan.

Kata kunci: Puisi-puisi Melayu tradisional, drama *Bukan Lalang Ditiup Angin* (1970), Teori Konseptual Kata Kunci.

Abstract: Dramatic personae Noordin Hassan who was born in Pulau Pinang is the 7th National Literary Laureate is a unique, creative and prolific writer. His presence in the arena of modern Malay drama and local theatre has given a fresh new scene to the Malay Literary field. His boldness in presenting new antirealisme dramatizing concept which are absurd and experimental drama has opened up a new dimension in the Malay drama scene. To prove, he has been using poetry in all his drama. This research is done in order to identify and analyse types of poet Malays poet used in his written drama entitled *Bukan Lalang Ditiup Angin* (1970). Using the method of collecting and analysing the data of the drama script, this reasearch is also using keywords from the conceptual theory founded by Mohamad Mokhtar Abu Hassan (2001). Hopefully, this finding shall contributes to the Malay Literary arena.

Keywords: Traditional Malay poetries, *Bukan Lalang Ditiup Angin* (1970) drama, Keywords of Conceptual Theory.

Pengenalan

Perkembangan drama di Malaysia berkembang kesan daripada pengaruh luar yang selari dengan peredaran zaman. Hal ini turut dinyatakan oleh Fazilah Husin dalam bukunya yang bertajuk *Teater Melayu: Teks dan Eksperimentasi* (2010:13) menyatakan bahawa bentuk-bentuk persembahan tradisi masyarakat di Tanah Melayu mula diperkenalkan dengan corak persembahan yang lebih tersusun, seterusnya kedatangan aliran drama bangsawan yang mula bertapak di Tanah Melayu pada dekad 1870-1935, era sandiwara bermula tahun 1935-1960 (Fazilah Husin, 2010:13)

dan akhirnya pengaruh drama realisme yang mendominasi pentas-pentas teater Melayu (Fazilah Husin, 2010:15). Di Malaysia, drama kontemporari memperlihatkan dramatis Noordin Hassan menghasilkan drama yang menggarapkan tradisi moden dan tradisional dalam penghasilan karya drama beliau. Hal ini turut dinyatakan oleh Fazilah Husin (2010:251), Noordin Hassan menerapkan beberapa elemen seni persembahan tradisional ke dalam drama dan teater beliau dalam perlbagai gaya dan bentuk. Berdasarkan pernyataan tersebut ia juga disokong oleh Halilah Hj. Khalid (2007:36) yang memetik isi dalam Laporan

Panel Anugerah Sastera Negara 1993 (Noordin Hassan, *Dalam Esei dan Kritikan Drama*, 2007), di mana Noordin Hassan telah berjaya menghidupkan kembali beberapa amalan dan imej tradisi yang hampir disingkirkan dari pentas semasa seperti puisi lama, nyanyian, boria, komedi bangsawan, tarian dan pengalaman impian. Menurut Fazilah Hussin (2010:250) lagi dramatis Noordin Hassan telah menghasilkan drama yang menggunakan puisi sebagai isi dalam cerita yang dinamakan teater eksperimentasi. Menerusi eksperimental inilah merupakan pelantar bagi para dramatis untuk mengolah kembali elemen tradisional untuk menghasilkan sebuah persembahan yang bersifat moden (Fazilah Husin, 2010:250). Pada tahun 1993 Noordin Hassan telah dianugerahkan tokoh Sasterawan Negara yang ke-7.

Pengiktirafan yang diberikan kepada Noordin Hassan kerana keunikan dan kebolehan dalam menghasilkan karya drama yang menggunakan elemen seni persembahan seperti puisi Melayu tradisional. Teknik dan keunikan Noordin Hassan dalam menghasilkan puisi Melayu ini telah dijelaskan oleh Mana Sikana (1995:84) yang mengatakan bahawa dalam drama *Bukan Lalang Ditiup Angin* (1970) Noordin Hassan menggunakan teknik penghasilan puisi dalam dramanya yang dikenali sebagai pola irama puisi kerana penggunaan puisi dalam drama beliau adalah mewarisi gaya dan bentuk puisi yang sedia ada. Mana Sikana (1995:90) juga turut menyatakan bahawa dramatis menggunakan puisi-puisi tradisional dalam drama memperlihatkan keakraban dramatis dengan sejarah masa silam. Menurut pengkaji Ali Ahmad (1971:1) yang memberi definisi berkaitan dengan puisi iaitu puisi adalah hasil ciptaan yang menggunakan bahasa dalam bentuk rangkap. Hal ini selari dengan pendapat Rahman Shaari (1987:70) sebagai:

Puisi merupakan ungkapan atau rangkaian kata-kata yang berangkap-rangkap. Kata-kata dalam puisi disusun dengan memberatkan rima, bunyi dan kiasan. Biasanya pada masa

dahulu karya seni ini dicipta untuk maksud tertentu, misalnya jampi mantera untuk perubatan tradisional, pentun remaja untuk meluahkan perasaan dan fikiran.

Kasim Ahmad (1966:602) pula menegaskan bahawa puisi seringkali digunakan untuk menyampaikan sesuatu maksud dengan cara lebih halus, indah dan berlapis sesuai dengan masyarakat yang menciptanya.

Sumbangan Noordin Hassan

Antara karya drama Noordin Hassan yang telah diterbitkan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka antaranya ialah dalam *Kumpulan Bukan Lalang Ditiup Angin* (1996), *Kumpulan Drama Peran* (1997), *Kumpulan Drama Anak Tanjung* (1998), *Mana Setangginya* (2000), buku yang berjudul *Teater Fitrah dan Esei pilihan* (2002) yang mana memuatkan tujuh buah esei dan 9 buah koleksi drama beliau dan yang terkini ialah *Edisi Khas Sasterawan Negara: Kumpulan Drama Pilihan “..Demi Zaitun..”* yang ditulis dan diselenggara oleh Noordin Hassan pada tahun 2006 yang turut memuatkan 3 buah drama. Manakala dua buah drama beliau dimuatkan dalam *Dewan Sastera* iaitu drama *Peran* dalam *Dewan Sastera* November 1991 dan drama *Intai Yang Tercanai* dalam *Dewan Sastera* November 2009.

Melalui pemerhatian terhadap kajian terdahulu, terdapatnya kajian berkaitan dramatis Noordin Hassan dan juga kajian terhadap puisi-puisi Melayu Tradisional. Menerusi kajian yang dilakukan oleh Fazilah Husin pada tahun 2007, yang membincangkan sejarah kemunculan teater eksperimental Melayu yang bermula dengan pementasan teater *Bukan Lalang Ditiup Angin* pada tahun 1970. Fazilah Husin (2007) juga membuktikan rentetan daripada pementasan karya Noordin Hassan inilah teretusnya aliran drama yang bersifat anti realistik. Daripada kajian ini juga membuktikan bahawa dalam drama *Anak Tanjung* (1987) pengarang telah menyelitkan hubungan seni persembahan Melayu dalam pembinaan sesebuah drama. Noordin Hassan telah menyelitkan dua subnaratif yang berbeza iaitu

pengucapan dialog yang disampaikan dalam bentuk boria. Selain daripada memberikan contoh dramatis lain, Fazilah Husin (2007) lebih membincangkan karya drama Noordin Hassan dalam bab yang berkaitan dengan elemen seni persembahan dalam penghasilan karya drama. Hasil kajian ini didapati bahawa eksperimen dijadikan ruang dan perantara untuk para dramatis mendedahkan kepada masyarakat seni tradisional Melayu yang sering dipinggirkan.

Selain itu dalam kajian oleh Rahimidin Zahari pada tahun 2012, yang dikhususkan untuk melihat penggunaan puisi dan lirik yang digunakan dalam buku *Saya..dari Hujung Kota* (1996). Menurut Rahimidin Zahari (2012) buku *Saya..dari Hujung Kota*, 1996, buku tersebut merupakan sebuah imbasan cahaya tentang cinta, cita-cita dan perjuangan Noordin Hassan dalam membangunkan teater di Malaysia. Puisi dan lirik yang digunakan oleh Noordin Hassan merupakan tradisi kesusasteraan tradisional iaitu warisan pantun dan juga gurindam Melayu. Rahimidin Zahari (2012) menambah, nilai kasih sayang Noordin Hassan kepada bangsanya sangat kental dan tebal. Hal ini dapat dilihat daripada drama *Anak Tanjung* yang merupakan bukti kepada nilai kasih sayang tersebut melalui susunan kata-kata puisi yang digunakan oleh beliau dalam drama tersebut. Dalam mencari kehidupan yang sebenar dan berlandaskan Islam puisi yang digunakan oleh Noordin Hassan dalam drama *Jangan Bunuh Rama-Rama* yang dilagukan oleh watak Atma mempunyai makna tersendiri di sebalik imej dan simbol yang terdapat dalam puisi tersebut. Secara amnya Noordin Hassan memasukkan unsur puisi dan lirik dalam karyanya untuk memperkukuhkan imej dan simbol yang ingin difahami oleh Noordin Hassan kepada khalayak mengenai makna yang tersirat dalam drama beliau. Untuk memahami makna puisi dan lirik ini khalayak seharusnya memahami terlebih dahulu mengenai kerangka cerita jika tidak khalayak tidak memahami makna tersirat dalam puisi dan lirik yang ingin disampaikan oleh Noordin Hassan.

Menurut Wan Akmal Wan Semara dalam kajiannya pada tahun 2005, genre puisi lebih peka dan sensitif kepada setiap bunyi, nada dan irama kata-kata yang digunakan. Hal ini kerana sastera itu sendiri bersifat kreatif dan imaginatif. Bahasa yang digunakan di dalam puisi itu sendiri dapat memberikan keluasan dan kedalaman pemikiran seorang penyair. Selain itu, beliau juga menyatakan jenis dan fungsi serta kesan penggunaan unsur puitika dalam pantun Melayu lama ini dapat dikesan melalui cara persembahan buah fikiran dan bahasa masyarakat Melayu lama melalui penggunaan unsur-unsur bahasa tertentu oleh seseorang penyair. Menurutnya lagi penggunaan bahasa yang berkesan dapat menimbulkan nilai keindahan dalam pantun di samping dapat menjelaskan maksud yang ingin disampaikan oleh pengarang melalui puisinya. Cara pembentukan dan penyusunan bahasa yang betul akan dapat menimbulkan keputika dan keindahan karya tersebut. Penggunaan unsur bahasa yang bersifat perbandingan, penegasan, sindiran dan pertentangan. Dalam puisi Melayu tradisional terdapat pelbagai bentuk dan jenis unsur puitika yang setiap satu mempunyai peranan dan kesan tersendiri. Wan Akmal Wan Semara (2005) menjelaskan bahawa unsur puitika berperanan mengungkapkan fikiran penyair melalui bahasa yang digunakan secara khusus dapat memperlihatkan jiwa dan keperibadian penciptanya. Hal ini membuktikan bahawa, kata-kata yang diungkapkan sebagai puisi itu berperanan dalam menyampaikan buah fikiran penciptanya dengan indah dan sopan. Justeru itu, penulisan ini amat berkaitan dengan kajian yang akan dilakukan oleh pengkaji terhadap puisi Melayu bagi memahami sesuatu makna dalam bait-bait liriknya.

Fokus kepada kajian ini ialah mengenal pasti dan menganalisis jenis-jenis puisi Melayu tradisional dalam drama *Bukan Lalang Ditiup Angin* (1970). Dalam kajian ini juga akan mengaplikasikan teori konseptual kata kunci yang diasaskan oleh Mokhtar Hassan (2001).

Metodologi

Kajian ini menggunakan kaedah kepustakaan, untuk membuat rujukan terhadap bahan-bahan bercetak di perpustakaan seperti jurnal-jurnal, bahan-bahan ilmiah dan tesis atau projek-projek penyelidikan yang telah ditulis oleh para penyelidik terdahulu dan bahan bercetak yang lain yang dapat memberi sebarang maklumat terhadap kajian ini. Dalam kaedah ini, pengkaji akan menganalisis teks atau lebih dikenali kaedah analisis kandungan, iaitu dengan menganalisis teks drama Noordin Hassan yang bertajuk *Bukan Lalang Ditiup Angin* (1970) yang terdapat dalam buku edisi *Khas Sasterawan Negara Noordin Hassan, Bukan Lalang Ditiup Angin* (1996).

Drama *Bukan Lalang Ditiup Angin* (1970) merupakan sebuah drama yang mengemukakan isu kepincangan dalam masyarakat akibat penindasan daripada golongan yang berkemampuan. Culan merupakan tuan ladang yang mempunyai perwatakan angkuh disebabkan kekayaan yang dimiliki oleh beliau dan sering mengambil kesempatan terhadap golongan petani yang daif yang mengerjakan ladangnya. Drama ini juga menggambarkan kepentingan sebuah pimpinan yang kuat dan berkesan untuk menerajui kelompok masyarakat terutama apabila berlaku sesuatu masalah berat yang memerlukan daya pimpinan yang benar-benar mantap. Dalam hal ini, Kintan sebagai wanita muda lebih menyerlah tokoh kepimpinannya di samping sokongan Hadi dan orang kampung jika dibandingkan dengan ayahnya. Ihsan pula melarikan diri kerana kekecewaan. Ketokohan itu lebih terserlah apabila Kintan mengetahui bahawa manusia yang selalu menzalimi masyarakat yang dipimpinya selama ini ialah ayah kandungnya.

Berdasarkan hal ini pendekatan yang akan digunakan dalam kajian ini ialah teori konseptual kata kunci. Teori konseptual kata kunci merupakan teori yang diasaskan oleh Mohamad Mokhtar Hassan pada tahun 2001. Menurut Mohamad Mokhtar Hassan (2005:78) teori konseptual kata kunci ini adalah konsepsi seseorang individu terhadap sesuatu idea,

perkara atau objek boleh dikenal pasti melalui penelitian kata-kata yang digunakan oleh pengarang. Dalam teori ini Mokhtar Hassan (2005:83) telah menggariskan tiga buah prinsip iaitu prinsip kepengaruhan, prinsip pemilihan kata atau diksi dan juga prinsip kesan.

Melalui prinsip kepengaruhan ialah berhubung dengan pengarang. Dalam prinsip ini, Mohamad Mokhtar Hassan (2005:83) menjelaskan bahawa konsepsi pengarang terhadap sesuatu isu, hal atau perkara sedikit sebanyak dipengaruhi oleh latar belakang pengarang termasuk keluarga, pendidikan, pekerjaan, masyarakat, budaya, kepercayaan, ideologi dan politik. Faktor umur, masa dan peredaran zaman juga turut memainkan peranan dalam menentukan konsepsi seseorang pengarang itu. Berasaskan hal itu, dalam memahami konsepsi seseorang pengarang itu, pengkaji seharusnya memahami latar belakang pengarang termasuklah hal-hal yang berkaitan dengan dengan dirinya secara mendalam. Selain itu pengkaji juga hendaklah mengetahui latar masa sesebuah karya itu dihasilkan. Dengan memahami hal ini, pengkaji dapat mengetahui konsepsi seseorang pengarang itu terhadap sesuatu isu, perkara, hal, objek dan peristiwa.

Mohamad Mokhtar Hassan (2005:318) menjelaskan mengenai prinsip pemilihan kata atau diksi ini pula berhubung dengan karya sastera. Dalam prinsip ini pengarang akan menggunakan kata-kata yang berada dalam lingkungan dirinya untuk menyatakan konsepsinya terhadap sesuatu hal, isu, perkara, objek dan pengalamannya. Daripada penggunaan kata-kata yang digunakan, akan terpancar konsep seseorang pengarang itu. Walau bagaimanapun, pemilihan kata-kata konkrit ataupun abstrak atau gabungan kedua-duanya sekali. Sebagai contoh dalam cerpen *Keris Mas* pada tahun 1947 yang berjudul *Penjual Ubat Merdeka*, apabila memperkatakan konsep kemiskinan akan mengaitkan dengan kesengsaraan, ini dibuktikan dengan kata kunci “sengsara”. Dua hal yang sinonim yang ditunjukkan oleh pengarang iaitu mereka

yang miskin ialah mereka yang hidup dalam kesengsaraan dan mereka yang sengsara ialah mereka yang hidup dalam kemiskinan.

Prinsip terakhir ini pula berhubung dengan khalayak pembaca. Mohammad Mokhtar Hassan, (2005:89) menyatakan seseorang pengarang secara sedar atau tidak akan mengemukakan konsepsinya melalui pemilihan kata-kata yang digunakan dalam hasil karya mereka. Konsepsi pengarang terhadap sesuatu isu, perkara, hal dan sebagainya ini pula dapat dirasai oleh khalayak pembaca dengan meneliti karya-karya yang dihasilkan oleh pengarang. Kejayaan menemui konsepsi seseorang pengarang itu akan terhasil apabila konsepsi yang dikemukakan oleh pembaca menyamai konsepsi pengarang. Justeru itu pembaca seharusnya bersifat objektif, iaitu semasa proses penelitian tidak seharusnya wujud prasangka atau dipengaruhi oleh ideologi, kepercayaan dan fahaman yang dimiliki oleh pembaca semasa mencari konseptual pengarang

Keputusan dan Perbincangan

Melalui kajian ini diharapkan akan memberi kepentingan yang pertama kepada pengkaji, yang kedua dalam bidang ilmu dunia akademik sastera terutama bidang puisi serta bidang drama dan yang ketiga pula kepentingannya kepada masyarakat. Dari kategori pengkaji, kajian ini penting untuk mengenal pasti dan menganalisis puisi-puisi Melayu tradisional yang terdapat dalam drama Noordin Hassan. Selain itu, diharapkan kajian ini dapat memberi pendedahan awal kepada pengkaji sendiri untuk berpeluang mengenali tokoh drama Noordin Hassan melalui kepengarangannya. Kajian puisi-puisi Melayu tradisional dalam drama *Bukan Lalang Ditiup Angin* (1970) ini juga diharapkan dapat memberi rintis kepada para penggemar sastera yang akan datang dalam menyiapkan kajian akademik sastera mereka kelak.

Selain itu maklumat yang diperoleh dalam kajian ini dapat memberi ruang kepada para pengkaji lain dalam memperhalusi daerah

kajian mereka terutamanya dalam bidang puisi dan juga drama yang sama. Hasil kajian ini akan turut memperkaya dan memperbanyakkan lagi kajian dan penyelidikan terutamanya berkaitan dengan karya-karya Noordin Hassan. Hasil dapatan daripada kajian tersebut dapat dijadikan sumber maklumat dan dokumentasi di samping sebagai bahan diskusi yang bermanfaat sifatnya. Ia juga diharapkan kelompok masyarakat memahami makna sesebuah puisi yang dicipta. Dengan pendedahan ini, diharapkan masyarakat amnya dapat memahami puisi yang terkandung dalam drama *Bukan Lalang Ditiup Angin* (1970).

Puisi Pantun Melayu Tradisional dalam Drama Bukan Lalang Ditiup Angin (1970)

Dalam drama *Bukan Lalang Ditiup Angin* (1970), puisi Melayu tradisional jenis pantun telah ditemui. Menurut Moechtar Awang (1992:5) pantun dapat dikelaskan berdasarkan kepada bentuk atau struktur, tema atau isi, fungsi dan penyebarannya. Daripada pengkelasan ini maka timbullah pantun dua kerat, empat kerat, enam kerat lapan kerat dan sebagainya, bentuk pantun juga terikat. Dari segi bentuk juga, pantun ialah karangan berangkap yang terdiri daripada empat baris setiap rangkap. Bagi setiap baris dalam pantun mengandungi lapan hingga dua belas suku kata dengan bunyi rima akhir baris pertama sama dengan bunyi akhir baris ketiga, manakala bunyi akhir baris dua sama dengan bunyi akhir baris empat, contohnya a-b, a-b dan ada juga pantun yang mempunyai rima akhir berbentuk a-a-a-a. Dalam pantun mempunyai pembayang dan maksud iaitu baris pertama adalah pembayang bagi maksud baris ketiga dan baris kedua adalah pembayang bagi maksud baris keempat.

Dalam karya drama Noordin Hasaan yang bertajuk *Bukan Lalang Ditiup Angin* (1970) pantun yang berjudul *Bukan Lalang Ditiup Angin* telah ditemui di awal penceritaan dan merupakan nyanyian Hadi dan Kintan. Contoh pantun:

BUKAN LALANG DITIUP ANGIN

Bukit Senyum Pulau Siantan,
Tahan dulang bawah beringin;
Bunyi berdentum memanglah hujan,
Bukannya lalang ditiup angin.

Kayu bakau ada berdahan,
Mari tumbuh di tepi paya;
Serahkan kerbau kepada tuhan,
Janganlah lupa tambatkan dia.

Langit redup ombak mengalun,
Jati masuk di dalam taman;
Haruslah hidup seribu tahun,
Mati esok di dalam iman.

(Noordin Hassan, 1996:9)

Baris ciri dan bentuk rangkap pantun tersebut dapat digolongkan sebagai pantun naratif atau bercerita, Ini kerana dalam bentuk pantun di atas ditemui unsur naratif dan penceritaan seperti mana yang dijelaskan oleh Moechtar Awang (1992:9). Penghasilan pantun *Bukan Lalang Ditiup Angin* di atas berlatar belakang akan peristiwa yang dialami oleh Noordin Hassan pada tahun 1969. Hal ini turut dinyatakan oleh Mana Sikana (1989:161) yang menjelaskan suasana politik sekitar tahun 1970-an yang berada dalam keadaan riak akibat daripada tragedi berdarah pada tahun 13 Mei 1969. Pada 13 Mei 1969 beberapa isu-isu perkauman telah berlaku di Malaysia kerana sikap daripada beberapa parti yang membangkitkan isu perkauman dalam berkempen. Berdasarkan petikan di atas, terdapat pemilihan kata diksi yang sesuai yang digunakan oleh Noordin Hassan untuk menceritakan situasi peristiwa tersebut iaitu / Bunyi **berdentum** memanglah hujan/, diksi "**berdentum**" menjelaskan konsepsi Noordin Hassan terhadap suasana politik yang sedang bergolak akibat daripada isu perkauman yang sengaja dibangkitkan demi kepentingan parti dan individu. Manakala menerusi baris /Janganlah lupa **tambatkan** dia/, diksi "**tambatkan**" merupakan kata kunci pengarang untuk menjelaskan perlunya sesuatu pegangan yang kukuh dalam mempertahankan sesuatu perkara. Ini merujuk kepada semua kaum

yang ada di Malaysia yang memerlukan satu pegangan bagi mengekalkan keamanan dan perpaduan dalam Malaysia. Petikan kata kunci tersebut menjelaskan prinsip kepengaruhan pengarang yang menghasilkan puisi tersebut berdasarkan peristiwa yang dialami olehnya, sekali gus menyamai prinsip pertama yang terdapat dalam teori konseptual kata kunci yang diperkenalkan oleh Mohamad Mokhtar Hassan pada tahun 2001.

Seterusnya pantun yang bertajuk *Berlaga Ayam* yang digolongkan sebagai pantun telatah dan cara hidup masyarakat menurut pendapat Moechtar Awang (1992:9). Pantun ini merupakan nyanyian antara kumpulan Pak Lemman dan kumpulan Orang Hartawan yang sedang bersabung ayam:

BERLAGA AYAM

Bukan bayam sebarang bayam,
Bayam ini tumbuh di kolah;
Bukan ayam sebarang ayam,
Ayam ini tak pernah kalah.

Bukan galak sebarang galak,
Galak asal dari pendeta;
Bukan jalak sebarang jalak,
Jalak ini si Putih Mata.

Kalau kuat tambak dek sabut,
Tanah Pamah menjadi lantai;
Kalau takut ombak dan rebut,
Jangan berumah di tepi pantai.

Larut malam hari pun kelam,
Sayang kapur habis tepinya;
Laut dalam sudah diselam,
Buyung di dapur apa isinya.

Mereka tidak pandai bergaduh,
Sebarang gaduh mereka gaduhkan;
Mereka ini bukanlah bodoh,
Kerana nasib mereka kerjakan.

(Noordin Hassan, 1996:30)

Berdasarkan isi pantun *Berlaga Ayam* di atas, selain daripada memberi hiburan kepada khalayak ia juga untuk menunjukkan kehebatan ayam laga masing-masing. Penelitian terhadap penghasilan pantun tersebut memperlihatkan sendiri Noordin Hassan yang mengkritik akan

sesetengah golongan Melayu. Melalui buku yang ditulis sendiri oleh Noordin Hassan yang bertajuk *Saya... Dari Hujung Kota* (1996) menceritakan kisah kelemahan dan kesilapan raja-raja Melayu yang telah dipergunakan oleh penjajah untuk mengaut hasil Tanah Melayu dan dibawa ke negara mereka (1996:274). Menerusi baris **/Laut dalam sudah diselam/** dan **/Buyung di dapur apa isinya/**, merupakan konsepsi pengarang iaitu sindiran dan kritikan Noordin Hassan terhadap penjajah yang telah merampas hasil Tanah Melayu. Berdasarkan penggunaan diksi dalam penghasilan pantun tersebut, dapat dilihat bahawa pengarang menjadikan diksi dalam karya sebagai medium menyampaikan idea dan pemikiran. Hal ini bertepatan dengan prinsip pemilihan kata yang telah diperkenalkan oleh Mohamad Mokhtar Hassan pada tahun 2001, dalam teori konseptual kata kunci iaitu pengarang menyatkan konsepsinya melalui pemilihan kata atau diksi.

Puisi Seloka Melayu Tradisional dalam Drama Bukan Lalang Ditiup Angin (1970)

Puisi Melayu tradisional berbentuk seloka juga ditemui dalam drama *Bukan Lalang Ditiup Angin* (1970). Harun Mat Piah (1989:334) menjelaskan perkataan seloka berasal daripada bahasa Sanskrit iaitu *shaloka* atau *anustubh* yang memberi makna suatu bentuk puisi yang terdiri daripada dua baris dan tidak mempunyai bentuk, tidak terikat dan juga bersifat bebas. Contoh seloka yang ditemui dalam drama *Bukan Lalang Ditiup Angin* (1970) ialah seloka yang bertajuk *Nasib Untung*:

NASIB UNTUNG

Aduhai nasibnya Pak Leman,
Ayam menang anak tergadai,
Hilang isteri, kampung Halaman,
Awak pulang kebuluran.

Hidup menjudi nasib,
Mati apa kadarnya,
Masa belayar kematian angin,
Motor sangkut tak ada minyak.

Sauh dilabuh bayu berpuput,
Nasi sesuap, garam sebuku,
Sirih sepiak haram taka da,
Anak isteri dihambai orang.

(Noordin Hassan, 1996:11)

Dalam seloka ini mengisahkan tentang sikap Pak Leman yang suka bersabung ayam walaupun ayam laganya menang dalam perlawanan tetapi Pak Leman telah kehilangan anak, isteri dan kampungnya. Hal ini dapat dilihat pada baris */Aduhai nasibnya Pak Leman/*, */Ayam menang anak tergadai*, walaupun Pak Leman menang pertandingan laga ayam tapi dia telah ditipu sehingga tanah kampungnya telah dirampas. Kisah malang Pak Leman yang berasal dari Kampung Duyung ini juga turut dijadikan seloka yang berjudul *Canang*:

CANANG

Kisah Pak Leman di Kampung Duyung,
Bila di sungai salah mendayung,
Tersangat suka pergi menyabung,
Habis tergadai anak dan kampung.

Dia tertipu dan susah hati,
Merantau sampai ke Sukamenanti,
Jumpa Pak Andak penuh Simpati,
Diberi nira bersama roti.

Terkenang kampung anak dan isteri,
Ramalan nujum kemudian hari,
Jika tak ubah nasib sendiri,
Kena belunggu macam pencuri.

(Noordin Hassan, 1996:15)

Seloka ini adalah nyanyian daripada Kumpulan Canang yang mengejek dan menyindir sikap Pak Leman yang suka bersabung ayam dan bernasib malang kerana kehilangan anak dan kampungnya akibat ditipu. Isi seloka tersebut mengandungi jenaka dan sindiran tajam terhadap Pak Leman. Melalui puisi seloka yang bertajuk *Canang*, Noordin Hassan telah menonjolkan nilai nasihat kepada masyarakat khususnya. Penghasilan ini, bertujuan untuk menegur dan mengkritik segelintir dari segi sikap masyarakat yang suka melakukan perkara yang tidak berfaedah dan boleh memudaratkan diri. Menerusi buku

Saya... Dari Hujung Kota (Noordin Hassan, 1996) menjelaskan bahawa isi dalam seloka tersebut merupakan kebimbangan Pak Leman akan kesan yang akan menimpa isteri dan zuriatnya di kemudian hari jika beliau terlibat dalam sesuatu perkara yang tidak berfaedah (1996:72). Konsep kebimbangan akan perkara yang akan terjadi dapat dilihat melalui rangkap /Terkenang kampung anak dan isteri/, /Ramalan nujum kemudian hari/, /Jika tak ubah nasib sendiri/ dan /Kena belunggu macam pencuri/ merupakan penjelasan terhadap konsepsi pengarang terhadap kebimbangan. Menerusi kata kunci dalam baris tersebut sekali gus pengkaji mengesan konsepsi pengarang yang konsep kebimbangan akan perkara yang belum lagi terjadi. Berdasarkan pernyataan tersebut, bertepatan dengan prinsip kesan yang terdapat dalam teori konseptual kata kunci iaitu prinsip kesan yang dijelaskan oleh Mohamad Mokhtar Hassan (2005:89) iaitu konsepsi pengarang yang diutarakan dalam karya menyamai konsepsi pengkaji.

Puisi Talibun Melayu Tradisional dalam Drama Bukan Lalang Ditiup Angin (1970)

Seterusnya puisi berbentuk talibun juga ditemui dalam drama *Bukan Lalang Ditiup Angin* (1970). Menurut menurut Abdul Halim Ali (2006:49) talibun dikenali dengan nama sesomba dan mempunyai bentuk yang hampir sama dengan prosa lirik atau prosa berirama. Talibun dikategorikan sebagai puisi bebas, di antara ciri yang terdapat pada talibun ini ialah dalam rangkap iaitu pada pembinaan struktur atau bentuknya adalah tidak terikat (bebas), tidak mempunyai jumlah baris, jumlah perkataan yang tidak terikat dan jumlah suku kata yang bebas, kadang kala talibun tidak mempunyai rangkap dan rima akhirnya tidak menentu dan tidak seimbang. Abdul Halim Ali (2006:50) juga menjelaskan talibun mengungkapkan persoalan yang berbagai-bagai bergantung kepada konteks cerita induknya. Berdasarkan pendapat tersebut hal ini dapat dilihat pada petikan puisi yang dikenali sebagai talibun dalam drama *Bukan*

Lalang Ditiup Angin (1970). Puisi yang digolongkan sebagai talibun ini yang bertajuk *Ramalan* ini merupakan nyanyian Kintan sewaktu mendapatkan ibunya (Ning). Contoh:

RAMALAN

Wajah ibu hanya bayangan,
Tak bisa dengar kaudendang,
Aku tak rasa susu kasihmu,
Baju suami tak sudah.

Bila guruh menderum di langit,
Kintan tak apa Bibi di sisi,
Jika Bibi menanam bunga,
Akar di bumi pun tentu wangi.

Jika ibu melihat segala,
Tersayat hati mudanya,
Perempuan takut diri terserah,
Kau Ihsan beri harapan,
Kenapa menukar begitu,
Hujan rahmat tak turun, turun,
Sayang sungguh sayang,
Kau patah di tengah jalan.

(Noordin Hassan, 1996:15)

Berdasarkan petikan talibun tersebut mengenai kisah anak yang merindui ibunya. Kintan yang mempunyai Ibu yang bernama Ning yang dirindunya. Ini dapat dilihat pada baris /**Aku tak rasa susu kasihmu**/ dan /**Baju suami tak sudah**/, berdasarkan pemilihan baris tersebut, Noordin Hassan menjelaskan hal tersebut akan keadaan manusia yang bernasib malang mungkin disebabkan oleh berlakunya penganiayaan dan penindasan. Hal ini dilihat menerusi baris /Kau Ihsan beri **harapan**/, /Kenapa menukar begitu/ dan /**Hujan rahmat tak turun- turun**/ yang menjelaskan konsepsi pemikiran pengarang terhadap sesetengah manusia yang suka mengambil kesempatan terhadap insan yang lemah. Konsepsi pengarang terhadap penganiayaan ini juga dapat dilihat melalui petikan puisi talibun yang bertajuk *Kembali*. Puisi talibun yang bertajuk *Kembali* yang dinyanyikan oleh Kintan di saat beliau dikejar oleh pengawal sambil berteriak mencari Hadi. Contoh petikan:

KEMBALI

Oh, Hadi di mana Hadi,
Menunggu sayu menunggu,
Dahaga, nian dahaga,
Menanti kasih menanti.

Apakah sedang menghalang,
Hadi tak kunjung tiba,
Terhiris sedih hatiku,
Risau dia' kan hilang

Terbayang wajahmu pilu,
Titisan air matamu,
Kasihmu sungguh mendalam,
Hidupku kau beri erti,
Di mana Hadi sekarang,
Jauhkah di rantau sunyi,
Kembali Hadi kembali,
Tak kuasa aku dipisah.
Oh, Hadi di mana Hadi,
Menunggu sayu menunggu.

(Noordin Hassan, 1996:19)

Petikan talibun tersebut ialah kerinduan Kintan terhadap Hadi. Ini dapat dilihat pada baris 'Oh, /Hadi di mana Hadi/, /Menunggu sayu/, /Risau dia' kan hilang/. Kerinduan tersebut membuatkan Kintan berasa sedih dan risau akan kehilangan Hadi. Menerusi petikan talibun menceritakan tentang nasib Kintan yang dianiayai di mana Kintan telah dijauhkan dengan Hadi. Penganiayaan sebegini telah memberi kesan kepada Kintan yang merindui Hadi. Ini dapat dilihat menerusi baris /**Kembali** Hadi kembali/, /**Tak kuasa aku dipisah**/ dan /Oh, Hadi **di mana** Hadi/ pengarang menceritakan akan kesengsaraan yang dialami oleh Kintan apabila beliau dianiayai apabila dipisahkan dengan Hadi. Melalui kata kunci yang terdapat dalam petikan baris tersebut menjelaskan konsepsi pengarang terhadap aspek penganiayaan sesetengah golongan terhadap golongan yang lemah. Berdasarkan hal ini dibuktikan melalui petikan dalam buku yang bertajuk *Noordin Hassan Dalam Esei dan Kritikan* (2007:38) Noordin Hassan menjelaskan keadaan dunia yang sesak dengan orang yang suka menganiayai orang lain. Berdasarkan kata kunci dalam petikan

talibun tersebut, Noordin Hassan menjadikan diksi yang berada di sekitarnya untuk dijadikan medium dalam penyampaian maksud isi dalam rangkap talibut di atas. Hal ini bertepatan dengan prinsip pemilihan kata yang tepat dalam teori konseptual kata kunci (Mohamad Mokhtar Hassan , 2005:85).

Rumusan

Berdasarkan kajian ini, drama *Bukan Lalang Ditiup Angin* (1970) karya Noordin Hassan ini merupakan sebuah drama yang mengandungi puisi-puisi Melayu tradisional. Dalam menganalisis puisi tersebut pengkaji telah mengaplikasikan teori konseptual kata kunci yang diasaskan oleh Mohammad Mokhtar Hassan pada tahun 2001. Berdasarkan kata kunci yang ditemui dalam puisi-puisi dalam drama tersebut dapat memperlihatkan konsepsi pengarang terhadap latar belakang beliau yang merupakan anak yang kematian ayahnya, seorang isteri yang merindui suaminya, kesesahan yang dihadapi oleh beliau semasa penjajahan Jepun dan didikan daripada ibunya serta nilai-nilai kemanusiaan yang didukung oleh pengarang sebagai seorang dramatis drama yang cintakan elemen tradisional. Pemilihan kata yang digunakan oleh pengarang dalam menghasilkan puisi tersebut menjelaskan maksud yang ingin disampaikan kepada pembaca. Dalam kepengarangan beliau pula, penerapan puisi Melayu tradisional dalam kesemua drama beliau ini telah membezakan beliau dengan dramatis yang lain. Kepekaan Noordin Hassan terhadap keadaan sekeliling disaat dramatis lain berkarya bertunjangkan aliran barat tetapi beliau melakukan perubahan dalam karyanya dengan menggarap aliran tradisional dalam hasil karya drama moden. Berdasarkan hal tersebut turut memetik Laporan Panel Anugerah Sastera Negara (1993:29) yang menjelaskan bahawa Noordin Hassan menulis drama moden, tetapi drama hasil penulisannya tidak terputus daripada akar umbi budaya Melayu. Sifat keunikan dan kelainan beliau dalam berkarya inilah yang menyebabkan beliau dianugerahkan sebagai

Sasterawan Negara yang ke-7 pada tahun 1993. Berdasarkan Laporan Panel Anugerah Sastera Negara 1993, dapatlah dijelaskan bahawa dimensi karya drama Noordin Hassan ini merupakan penggarapan tradisi dua dunia iaitu aliran tradisional dan aliran moden.

Kesimpulan

Berdasarkan kajian terhadap puisi-puisi tradisional yang terdapat dalam drama *Bukan Lalang Ditiup Angin* (1970) ini menunjukkan keunikan dalam penghasilan dramanya yang menggunakan puisi Melayu tradisional sebagai isi jalan cerita. Kajian ini diharap bermanfaat kepada semua pihak terutamanya penggemar genre puisi dan drama. Selain itu juga melalui kajian ini mampu memberi kesedaran mengenai puisi Melayu tradisional pada satu ketika dahulu merupakan kesenian yang tinggi nilainya dan telah dipinggirkan disebabkan peredaran zaman. Seterusnya melalui kajian ini juga diharapkan dapat memberi ilmu bantu kepada pengkaji-pengkaji puisi yang akan datang dalam membuat kajian terutamanya berkaitan dengan drama Noordin Hassan dan bidang puisi Melayu Tradisional.

Rujukan

- Abdul Halim Ali. (2006). *Mendekati Puisi Melayu Tradisional*. Tanjung Malim: Penerbitan Profesional Baharu.
- Aripin Said. (1994). *Puisi Warisan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ali Ahmad. (1971). *Asas Menganalisis Sajak*. Petaling Jaya: Penerbit Fajar Bakti.
- Dharmawijaya. (1987). *Tanggapan dan Kaedah Pengajaran Puisi*. Petaling Jaya: International Book Service.
- Fazilah Husin. (2010). *Teater Melayu: Teks dan Eksperimentasi*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP).
- Harun Mat Piah. (1989). *Puisi Melayu Tradisional: Satu Pembicaraan Genre dan*

- Fungsi*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP).
- Kasim Ahmad. (1966). *Dialog Dengan Sasterawan*. Kuala Lumpur: Penerbitan Pena.
- Mohamad Mokhtar Hassan. (2005). *Teori Konseptual Kata Kunci*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Mana Sikana. (2008). 'Meletakkan Teori Konseptual Kata Kunci'. *Dewan Sastera*. November 2008. Jld. 38. (10): 26-29.
- Mana Sikana. (1995). *Drama Melayu Moden*. Shah Alam: Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd.
- Mana Sikana. (1987). *Drama Moden Malaysia: Perkembangan dan Perubahan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP).
- Moechtar Awang. (1992). *Analisis Kritis Pantun dan Puisi Melayu Tradisi*. Kuala Lumpur: Penerbit Elman Sdn. Bhd.
- Noordin Hassan. (1996). *Edisi Khas Sasterawan Negara Noordin Hassan: Bukan Lalang Ditiup Angin*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP).
- Noordin Hassan. (1996). *Saya...dari Hujung Kota*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP).
- Halilah Haji Khalid. (2007). *Noordin Hassan Dalam Esei dan Kritikan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP).
- Rahimidin Zahari. (2012). *Membaca Imej dan Simbol Dalam Drama Noordin Hassan Melalui Puisinya*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP).
- Rahman Shaari. (1987). *Glosari Istilah Sastera*. Kuala Lumpur: 'K' Publishing & Distributors. Sdn. Bhd.
- Wan Akmal Wan Semara. (2005). *Unsur Puitika dalam Puisi Melayu Tradisional*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP).